

Langkah drastik diambil

SUNGAIBESAR - Penduduk yang mengalami masalah banjir akibat projek kunci air di Simpang Empat Bagan Nakhoda Omar terbengkalai kini boleh menarik nafas lega apabila masalah itu mendapat perhatian Jabatan Air dan Saliran (JPS) Sabak Bernam.

Jurutera Daerah JPS Sabak Bernam, Herman Tawil berkata, pihaknya mengambil beberapa langkah drastik dalam menyelesaikan masalah tersebut.

"Saya telah turun ke lokasi berkenaan bagi melihat sendiri keadaan kunci air terbabit. Kita akan bantu selesaikan perkara ini secepat mungkin," katanya.

Herman berkata, pihaknya membina kunci air sementara bagi membantu mengurangkan

kadar air jika berlakunya hujan lebat.

Selain itu, beliau turut mengarahkan kakitangannya menyediakan pam supaya air penuh dipam keluar.

"Ini adalah langkah berjaga-jaga buat sementara waktu bagi memastikan masalah banjir tidak berterusan dan terus membelenggu penduduk setempat," katanya.

Dalam pada itu, Herman berkata, sebelum ini, JPS turut mengeluarkan notis amaran kepada pihak kontraktor terbabit bagi memastikan perjalanan projek kunci air itu lancar.

Menurutnya, pihaknya perlu mengikut prosedur sebelum menamatkan perkhidmatan kontraktor berkenaan bagi mengelakkan sebarang kesulitan pada masa hadapan.